

ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan		2
2.0	Penyerahan Laporan		2
3.0	Format Laporan		2 - 4
3.1	Bahasa	3.4	Kualiti Penaipan
3.2	Format Penulisan/Teks	3.5	Penomboran Muka Surat
3.3	Kertas	3.6	Penjilidan
4.0	Perletakan Isi Kandungan Projek		4 - 5
4.1	Muka Surat Hadapan	4.5	Penghargaan
4.2	Halaman Tajuk	4.6	Isi Kandungan
4.3	Pengesahan Keaslian Laporan	4.7	Senarai Jadual
4.4	Abstrak	4.8	Senarai Rajah
5.0	Menulis Petikan		6 - 8
5.1	Format Umum	5.4	Dua atau Lebih Kajian/Sumber Bagi Petikan yang Sama
5.2	Pengarang Tidak Diketahui	5.5	Pengarang Yang Mempunyai Nama Keluarga Yang Sama
5.3	Organisasi Sebagai Pengarang	5.6	Tarikh Tidak Diketahui
6.0	Teks Kandungan Projek		8 - 10
6.1	Pendahuluan	6.4	Keputusan Kajian
6.2	Ulasan Karya Terpilih	6.5	Perbincangan Kajian
6.3	Metodologi Kajian	6.6	Kesimpulan dan Cadangan
7.0	Rujukan		11 - 13
7.1	Periodicals Article	7.4	Pembentangan Artikel Seminar/Konferens Yang Belum Diterbitkan
7.2	Buku	7.5	Kertas Penyelidikan
7.3	Bab Yang Terpilih Dalam Satu Buku	7.6	Sumber Elektronik
8.0	Lampiran		13
	Lampiran A		14
	Lampiran B		15
	Lampiran C		16
	Lampiran D		17
	Lampiran E		18
	Lampiran F		19
	Lampiran G		20

1.0 PENGENALAN

Panduan ini disediakan untuk membantu pelajar prasiswazah Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP), Unimas untuk menyediakan laporan projek tahun akhir (PTA) mereka. Panduan ini memberi penjelasan tentang format fizikal dan prosedur penyediaan laporan projek. Pelajar-pelajar dikehendaki membaca dan memahami panduan ini bagi menghasilkan laporan projek seperti yang dikehendaki oleh pihak fakulti.

2.0 PENYERAHAN LAPORAN

Pelajar dikehendaki menyediakan dan menyerahkan **empat** salinan laporan akhir berjilid serta **satu salinan softcopy** dalam disket atau CD ke Pejabat Am FEP oleh pelajar sendiri pada tarikh yang ditetapkan. Salinan berjilid pertama adalah untuk penyelia, salinan berjilid kedua untuk pemeriksa, salinan berjilid ketiga untuk simpanan fakulti dan salinan berjilid keempat serta *softcopy* untuk Pusat Khidmat Maklumat Akademik.

3.0 FORMAT LAPORAN

3.1 Bahasa

Laporan PTA ditulis menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Penulisan hendaklah padat dan mudah difahami.

3.2 Format Penulisan/Teks

3.2.1 Font

Pelajar hendaklah menggunakan 'font' **Times New Roman** (saiz 12) atau **New Century Schoolbook** (saiz 11). 'Font' lain tidak dibenarkan.

3.2.2 Langkauan (Spacing)

Laporan perlu ditaip pada satu muka surat sahaja.

Bagi keseluruhan teks, termasuk petikan panjang, appendiks, tajuk dan tajuk kecil, gunakan langkauan dua baris (**DOUBLE SPACING**). Manakala bagi perkataan-perkataan (*legends*), keterangan (*captions*) atau petunjuk (*keys*) pada jadual, carta dan rajah, gunakan langkauan sebaris (**SINGLE SPACING**).

3.2.3 Susunan (Alignment)

Keseluruhan teks utama perlu ditaip dalam susunan penuh (*justified alignment*).

3.2.4 Margin

<i>Top:</i>	3 cm	<i>Header:</i>	1.00 cm
<i>Bottom:</i>	3 cm	<i>Footer:</i>	1.00 cm
<i>Right:</i>	2.54 cm	<i>Tab stop:</i>	1.00 cm
<i>Left:</i>	4.00 cm		

Semua tajuk jadual dan rajah hendaklah berada **DI LUAR** jadual dan rajah masing-masing dan margin kedudukan jadual dan rajah mestilah berdasarkan margin teks tersebut.

Sesuatu perenggan baru pada bahagian bawah sesuatu muka surat mestilah mengandungi sekurang-kurangnya dua baris yang lengkap bertaip. Jika tidak, ianya harus dimulakan pada muka surat yang baru. Dengan ini, muka surat asal akan menjadi lebih pendek daripada biasa.

3.3 Kertas

Kertas berwarna putih (80 gm) bersaiz **A4** (210mm x 297mm) perlu digunakan.

3.4 Kualiti Penaipan

Laporan perlu dicetak dengan menggunakan pencetak laser atau ink-jet. Penggunaan cetakan 'dot-matrix' dan mesin taip adalah **TIDAK** dibenarkan.

3.5 Pernomboran Muka Surat

Nombor muka surat mestilah mengikut urutan untuk keseluruhan laporan, termasuk halaman untuk rajah, jadual, lampiran dan berada di tengah-tengah bahagian bawah halaman. Nombor ini mesti ditaip sekurang-kurangnya 1 cm dari margin bawah halaman. Nombor muka surat tersebut tidak boleh diletakkan dalam kurungan, atau cara lain.

Setiap lampiran mestilah dikenalpasti secara berasingan dengan menggunakan abjad (A, B, C, ...).

3.5.1 Permulaan Halaman (Preliminary Pages)

Permulaan halaman bagi muka surat yang pertama (halaman sebelum Bab 1) mesti menggunakan angka Roman kecil (i, ii, iii, ...).

Muka surat depan (cover sheet), halaman tajuk (title page), halaman pengesahan pelajar, abstrak dan penghargaan **DIAMBIL KIRA** sebagai muka surat i, ii, ... tetapi angkanya **TIDAK** ditaip. Sila rujuk **Lampiran B, C, D dan E**.

Manakala halaman isi kandungan, senarai jadual dan senarai gambarajah adalah **DIAMBIL KIRA** dan angkanya **DITAIP**.

3.5.2 Teks Utama dan Halaman Rujukan

Angka Arabic (1, 2, 3, ...) diletakkan pada **SEMUA** muka surat untuk teks utama.

3.5.3 Pagination dan Copy Sequencing

Sila rujuk **Lampiran F: Jadual 1** bagi mendapatkan keterangan dan ringkasan bagi perkara 3.5.1 hingga 3.5.2.

3.5.4 Jadual dan Rajah

Tajuk jadual seharusnya diletakkan di atas jadual berkenaan. Sumber maklumat atau nota lain bagi jadual perlu diberi di bawah jadual tersebut. Manakala untuk rajah, tajuknya adalah di bawah rajah berkenaan jika tiada sumber atau nota untuk diberikan. Jika terdapat sumber atau nota, maka tajuk bagi rajah akan diletakkan di atas rajah berkenaan.

3.6 Penjilidan

Laporan akhir perlu dijilid dalam bentuk '*hard cover*' mengikut warna fakulti pelajar dan tercetak logo Unimas dan nama fakulti pelajar. **Sila rujuk Lampiran A.** Nama pelajar, ijazah dan tahun juga akan dicetak di sisi (*spine*) buku laporan PTA tersebut. Satu jalur mengikut warna fakulti pelajar akan dicetak di belakang '*hard cover*' dan di sisi (*spine*) laporan PTA.

Pelajar dikehendaki membuat penjilidan di syarikat yang telah dilantik oleh pihak Unimas atau mana-mana syarikat penjilidan lain yang bersesuaian. Nama syarikat yang telah dilantik oleh pihak Unimas akan dimaklumkan sebelum proses penjilidan dilakukan.

Halaman Tajuk juga perlu disertakan di mana tajuk PTA, nama pelajar dan nama ijazah dicetak dan ditulis menggunakan New Century Schoolbook (Saiz 11) dengan huruf besar. **Sila rujuk Lampiran B dan Lampiran C.**

Pelajar juga dikehendaki menyerahkan laporan akhir PTA dalam bentuk disket/CD. Masukkan disket/CD tersebut dalam sampul dan lekatkan di bahagian dalam muka surat hadapan **satu laporan** PTA (untuk Pusat Khidmat Maklumat Akademik) yang telah dijilid. Pastikan pelajar menulis **NAMA, NOMBOR MATRIK, PROGRAM dan FAKULTI**, serta **TAJUK KAJIAN** di sampul disket/CD tersebut.

4.0 PERLETAKAN ISI KANDUNGAN PROJEK

4.1 Muka Surat Hadapan (Hard Cover Sheet)

Sila rujuk **Lampiran A.**

Tidak ditandakan muka surat tetapi dikira sebagai halaman i.

4.2 Halaman Tajuk (Title Page)

Tajuk projek mestilah ringkas dan selaras dengan isi kandungan projek. Sila rujuk **Lampiran B dan Lampiran C** (bagi pelajar yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan teks).

Tidak ditandakan muka surat tetapi dikira sebagai halaman ii.

4.3 Pengesahan Keaslian Laporan (Statement of Originality)

Sila rujuk **Lampiran D dan Lampiran E** (bagi pelajar yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa teks).

Tidak ditandakan muka surat tetapi dikira sebagai halaman iii.

4.4 Abstrak

Abstrak ialah ringkasan keseluruhan projek dan tidak melebihi satu muka surat bercetak dengan dua baris langkauan (**DOUBLE SPACING**). Abstrak **MESTI** ditulis dalam Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris.

Tidak ditandakan muka surat tetapi dikira sebagai muka surat iv dan v.

Format adalah seperti di bawah:-

ABSTRAK

TAJUK

Oleh

Nama Pelajar

Teks bermula di sini....

4.5 Penghargaan (Acknowledgement)

Halaman ini memuatkan penghargaan bagi menghargai individu, institusi dan sesiapa sahaja yang membantu dalam proses penyiapan Projek Tahun Akhir tersebut. Nama penyedia perlu dinyatakan untuk penghargaan.

Ditanda sebagai muka surat vi.

4.6 Isi Kandungan


Ditandakan sebagai muka surat vii. Sila rujuk **Lampiran G**.

4.7 Senarai Jadual

Ditandakan sebagai muka surat viii.

Format adalah seperti di bawah:-

SENARAI JADUAL



Jadual 1: Tajuk.....m/s ?

Jadual 2: Tajuk.....m/s ?

4.8 Senarai Rajah

Ditandakan sebagai muka surat ix.

Format adalah seperti di bawah:-

SENARAI RAJAH



4 langkauan

Rajah 1: Tajuk.....m/s ?

Rajah 2: Tajuk.....m/s ?

5.0 MENULIS PETIKAN (CITATIONS) (Format APA)

Berdasarkan kaedah '**AUTHOR-DATE**'. Ini bermakna, **nama keluarga penulis** (surname) dan **tahun penerbitan** dinyatakan dalam teks, dan rujukan yang lengkap perlu dinyatakan dalam halaman rujukan.

5.1 Format Umum

Contoh:

- a. Rumnaugh (1995) reported that “Kanzi’s comprehension of over 600 novel sentences of request was very comparable to Alia’s; both complied with requests without assistance on approximately 70% of the sentences” (p. 722).
- b. Hart (1996) wrote that some primatologists “wondered if apes had learned language, with a capital L” (p. 109).

Dua Orang Pengarang

Contoh:

- a. Greenfield **and** Savage-Rumbaugh (1990) have acknowledged that Kanzi’s linguistic development was slower than that of a human child (p. 567).
- b. Kanzi’s linguistic development was slower than that of a human child (Greenfield **&** Savage-Rumbaugh, 1990, p. 567).

Tiga hingga Lima Orang Pengarang

- Penulis perlu memperkenalkan pengarang apabila menulis petikan dari sumber tersebut pada kali pertama.

Contoh:

The chimpanzee Nim was raised by researchers who trained him in American Sign Language by molding and guiding his hands (Terrace, Petitto, Sanders & Bever, 1979, p. 891).

- Dalam petikan yang menggunakan sumber yang sama, tuliskan nama keluarga pengarang pertama sahaja dan diikuti dengan “et al.”.

Contoh:

Nim was able to string together as many as 16 signs, but their order appeared quite random (Terrace et al., 1979, p. 895).

Enam atau Lebih Orang Pengarang

Contoh:

The ape language experiments are shedding light on the language development of very young children and children with linguistic handicaps (Savage-Rumbaugh et al., 1993).

5.2 Pengarang Tidak Diketahui

- Jika pengarang tidak diketahui, nyatakan tajuk kajian atau nyatakan ayat pertama atau kedua daripada tajuk kajian beliau. Tajuk kajian dan bab diletakkan dalam kurungan.

Contoh:

Chimpanzees living in separate areas of Africa differ in a range of behaviors: in their methods of cracking nuts or gathering ants, for example, or in their grooming rituals. An international team of researchers has concluded that many of the differing behaviors are cultural, not just responses to varying environmental factors ("Chimps," 1999).

5.3 Organisasi Sebagai Pengarang

- Apabila pertama kali mengambil petikan dari sumber tersebut, tuliskan nama penuh organisasi tersebut.

Contoh:

According to the Language Research Center (2000), linguistic research with apes has led to new methods of treating humans with learning disabilities such as autism and dyslexia.

- Jika organisasi tersebut mempunyai nama singkatan, tuliskan nama singkatan dalam kurungan untuk kali pertama. Nama singkatan boleh digunakan dalam rujukan yang seterusnya.
- Pertama kali: (National Institute of Mental Health (NIMH), 2001)

Seterusnya: (NIMH, 2001)

5.4 Dua atau Lebih Kajian/sumber bagi Petikan yang Sama

Contoh:

Researchers argued that the apes in the early language experiments were merely responding to cues (Sebeok & Umiker-Sebeok, 1979; Terrace, 1979).

5.5 Pengarang yang Mempunyai Nama Keluarga yang Sama

- Bagi mengelakkan kekeliruan, gunakan 'initials' bersama-sama nama keluarga pengarang jika terdapat dua atau lebih pengarang yang mempunyai nama keluarga yang sama dalam rujukan.

Contoh:

Research by E. Smith (1989) revealed that ...

5.6 Tarikh Tidak Diketahui

- Jika tarikh tidak diketahui, APA mencadangkan menggunakan singkatan "n.d." (maksudnya, "no date").

Contoh:

Attempts to return sign-language-using apes to the wild have had mixed results (Smith, n.d.).

Nota: Keterangan lanjut boleh didapati di halaman internet <http://www.apastyle.org>

6.0 TEKS KANDUNGAN PROJEK

Format yang dicadangkan adalah seperti di bawah. Kaedah atau cara-cara lain juga boleh digunakan, tertakluk kepada perbincangan dan persetujuan dengan penyelia projek masing-masing.

6.1 PENDAHULUAN

Pendahuluan biasanya mengandungi suatu maklumat umum ataupun latar belakang projek yang hendak dijalankan oleh pelajar.

Kandungan pendahuluan hendaklah tepat, padat dan tidak terlalu panjang. Tujuan isi pendahuluan adalah untuk menarik perhatian pembaca mengenai hujah atau kenyataan masalah dan kepentingan kajian yang dibuat. Bukti-bukti dan sumber-sumber yang digunakan untuk menyokong perbincangan harus dinyatakan. Teori yang menjadi asas kepada kajian harus dibincangkan di dalam bahagian ini. Rangkan Toeritikal harus dibincang sebagai subtopik dan untuk memudahkan penjelasan penggunaan gambar rajah yang sesuai digalakkan. Kreativiti dalam menulis isi pendahuluan ini adalah penting agar pembaca terus berminat untuk membaca bab-bab seterusnya dalam kajian tersebut.

6.1.1 Kenyataan Masalah

Mengenalpasti dan menyatakan secara jelas permasalahan yang dikaji agar dapat dijadikan titik tolak kepada kajian pelajar. Masalah kajian boleh dibahagikan kepada (i) Masalah praktikal atau masalah yang berlaku pada masa ini (inilah masalah yang hendak diatasi atau diperbaiki). (ii) Masalah penyelidikan merupakan maklumat-maklumat yang perlu diperolehi yang berguna untuk mengatasi masalah praktikal.

Maklumat-maklumat inilah yang menjadi bahan yang mesti diperolehi melalui kajian yang akan dijalankan.

6.1.2 Objektif Kajian

Menyatakan objektif umum dan juga objektif khusus kajian. Objektif umum boleh dinyatakan berdasarkan topik yang diubahsuaikan dari segi ayat yang digunakan. Objektif khusus/spesifik harus disenaraikan; berikan dua atau tiga objektif khusus. Objektif khusus mesti menggambarkan maklumat sebenar yang akan diperolehi dari kajian ini (mestilah selari dengan masalah penyelidikan yang dinyatakan di dalam Penyataan Masalah)

6.1.3 Rasional Kajian

Rasional ataupun kepentingan kajian kepada isu yang diutarakan. Bagaiman maklumat yang akan diperolehi dari kajian boleh dimanfaatkan.

6.1.4 Skop Kajian/Limitasi Kajian

Nyatakan tempoh data yang dikaji (sama ada tahunan, bulanan atau mingguan dan sebagainya), tempat kajian dan sampel yang dikaji dan perkara-perkara berkaitan. Bincangkan sebab-sebab proses penyelidikan harus dikecilkan (kenapa persampelan digunakan, tidak bancian), dipendekkan, dipermudahkan; lebih berkait dengan penghadan sumber-sumber untuk menjalankan penyelidikan.

6.2 ULASAN KARYA TERPILIH

Menurut Newman (2000, p. 446), objektif penulisan ulasan karya adalah:

- Menggambarkan kesamaan ilmu pengetahuan dan kekukuhan kredibiliti.
- Menunjukkan haluan (“path”) kajian terdahulu dan bagaimana kajian yang hendak dibuat mempunyai kaitan dengannya.
- Mengintegrasikan dan meringkaskan hasil kajian.
- Menimba ilmu pengetahuan daripada orang lain dan merangsang idea baru.

Oleh itu, ulasan karya yang baik memerlukan pemikiran yang kritis dan analitikal untuk memperolehi idea, maklumat, analisis, sintesis dan keputusan yang baik daripada kajian terdahulu. Ulasan karya boleh diperolehi melalui buku-buku, artikel jurnal pendidikan, ‘dissertations’, dokumen kerajaan, laporan polisi atau ‘presented paper’ (Newman, 2000).

6.3 METODOLOGI KAJIAN

6.3.1 Pengenalan

Nyatakan teori dan kaedah yang akan digunakan secara ringkas tetapi padat.

6.3.2 Kerangka Konsep

Ia merupakan dalam bentuk rajah atau persamaan yang menunjukkan pertalian antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.

6.3.3 Rekabentuk Kajian

a) Persampelan

Jenis sampel, bilangan sampel, cara persampelan diambil dan sebagainya yang berkaitan.

b) Pengumpulan Data

Nyatakan dan jelaskan data-data yang hendak dikumpul, berikan sebab data tersebut digunakan dalam kajian, cara pengumpulan data dilakukan dan sebagainya yang berkaitan.

c) Penganalisan Data

Nyatakan cara data dianalisis, apakah analisis-analisis yang hendak dijalankan dan untuk tujuan apa dan sebagainya yang berkaitan.

6.3.4 Hipotesis Kajian

Nyatakan satu per satu hipotesis yang berkaitan dengan kajian yang hendak dibuat.

6.4 KEPUTUSAN KAJIAN

Bab ini memerlukan anda untuk menyatakan atau melaporkan dengan ringkas dan padat keputusan utama dan penting yang diperolehi.

6.5 PERBINCANGAN KAJIAN

Bab ini pula menyediakan suatu konteks untuk menganalisa keputusan kajian, menyatakan signifikasinya ke atas kajian, implikasinya dan juga batasan-batasan kajian yang ditemui. Bahagian ini juga perlu dihubungkan dengan keputusan kajian daripada ulasan karya terpilih yang telah dibuat. (Bab ini seharusnya boleh digabungkan di dalam Bab 4 tertakluk kepada perbincangan dan persetujuan dengan penyelia projek masing-masing.)

6.6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Harus dimulakan dengan ringkasan kajian yang memberi perbincangan ringkas tentang kajian yang dijalankan, harus merangkumi tujuan kajian, masalah kajian, metodologi dan keputusan.

6.6.1 Kesimpulan

Pelajar dikehendaki membuat kesimpulan secara menyeluruh hasil kajian yang didapati. Kesimpulan yang dibuat perlu mengutamakan hasil-hasil penting yang diperolehi daripada kajian.

6.6.2 Cadangan

Pelajar juga dikehendaki ember cadangan-cadangan bagi membaiki hasil kajian yang didapati supaya lebih berkesan untuk kajian seterusnya.

6.6.3 Kekangan Kajian

Pelajar dikehendaki menyatakan masalah dan halangan yang dihadapi semasa membuat kajian dan menyebabkan keputusan kajian kurang memuaskan.


7.0 RUJUKAN (Format APA)

Sebarang rujukan yang menggunakan hasil kajian lain, sama ada petikan secara langsung ataupun melalui rujukan, mestilah mengandungi satu rujukan yang menyatakan sumber karya-karya tersebut.

Jika rujukan telah dibuat terhadap karya-karya berkenaan tetapi tidak diberi pengakuan dengan khasnya dalam teks, karya-karya tersebut hendaklah disenaraikan secara berasingan dalam lampiran rujukan.

Halaman rujukan **diberi nombor** muka surat. Senarai rujukan dimulakan dengan empat langkahuan di bawah tajuk itu. Rujukan hendaklah disediakan mengikut format **APA** (American Psychological Association).

Format adalah seperti di bawah:



Albert, A., & Anderson, J. A. (1984). On the existence of maximum likelihood estimates in logistic regression models. *Biometrika*, 71, 1-10.

7.1 'Periodicals Article'

Penulis, A. A., Penulis, B. B., & Penulis, C. C. (Tahun penerbitan). Tajuk artikel. *Tajuk Jurnal, Suratkhobar atau Majalah, Bilangan Siri (Volume)*, (nyatakan Bilangan Keluaran (Issue) jika ada), muka surat.

Contoh:

Mathews, J. A. (1998). Fashioning a new Korean model out of the Crisis: The rebuilding of institutional capabilities. *Cambridge Journal of Economics*, 22(1), 747-759.

Fisher, M. E., & Seater, J. J. (1993). Long-run neutrality and superneutrality in an ARIMA framework. *American Economic Review*, 83, 402-415.

7.2 Buku

Penulis, A. A. (Tahun penerbitan). *Tajuk Buku, Laporan atau Risalah*. Lokasi: Penerbit.

Contoh:

Enders, W. (1995). *Applied Econometric Time Series*. New York: John Wiley & Sons.

Bank Negara Malaysia. *Monthly Statistical Bulletin*, various issues. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

7.3 Bab yang Terpilih dalam Satu Buku (Contributions to Collective Works)

Penulis, A. A. (Tahun penerbitan). Tajuk bab yang dirujuk. Dalam B. B. Penulis & C. C. Penulis (Eds.), *Tajuk Buku* (muka surat). Lokasi: Penerbit.

Contoh:

MacKinnon, J. (1991). Critical values for cointegration tests. In R. F. Engle & C. W. J. Granger (Eds.), *Long-run economic relationship: Readings in cointegration* (pp. 267-276). New York: Oxford University Press.

7.4 Pembentangan Artikel Seminar/Konferens yang Belum Diterbitkan (Unpublished Paper Presented at a Seminar/Conference)

Penulis, A. A. (Tahun penerbitan). *Tajuk artikel*. Artikel dibentangkan di (Nama Seminar atau Konferens), Bandar, Negara.

Contoh:

Stock, J. H. (1995). *Cointegration, long-run comovements, and long-run horizon forecasting*. Paper presented at the Seventh World Congress of the Econometric Society, Tokyo, Japan.

Chantasasawat, B., Fung, K. C., Iizaka, H., & Siu, A. (2004). *FDI flows to Latin America, East and Southeast Asia and China: Substitutes or complement?* Paper presented at the 2004 LAEBA Annual Conference, Beijing, China.

7.5 Kertas Penyelidikan (Working Paper/Research Paper)

Penulis, A. A., & Penulis, B. B. (Tahun penerbitan). *Tajuk kertas penyelidikan*. Nama Organisasi yang Menerbitkan Kertas Penyelidikan, Kertas Penyelidikan (disertakan nombor kertas penyelidikan tersebut).

atau

Penulis, A. A., & Penulis, B. B. (Tahun penerbitan). *Tajuk kertas penyelidikan*. Nama Kertas Penyelidikan, nombor kertas penyelidikan.

Contoh:

Coughlin, C., & Segev, E. (1999). *Foreign direct investment in China: A spatial econometric study*. The Federal Reserve Bank of St. Louis, Working Paper 1999-001A.

Chowdhury, A., & Mavrotas, G. (2005). *FDI and growth: A causal relationship*. World Institute for Development Economics Research (WIDER) Research Paper, No. 2005/25.

7.6 Sumber Elektronik

Author, A. A., & Author, B. B. (Date of publication). Title of article. *Title of Online Periodical*, volume number (issue number if available). Retrieved month day, year, from <http://www.someaddress.com/full/url/>

Contoh:

Bernstein, M. (2002). 10 tips on writing the living Web. *A List Apart: For People Who Make Websites*, 149. Retrieved May 2, 2006, from <http://www.alistapart.com/articles/writeliving>

Smyth, A. M., Parker, A. L., & Pease, D. L. (2002). A study of enjoyment of peas. *Journal of Abnormal Eating*, 8(3). Retrieved February 20, 2003, from PsycARTICLES database.

Nota: Anda boleh merujuk di halaman internet berikut untuk keterangan lebih lanjut.

1. <http://www.lib.ohio-state.edu/guides/apagd.html>
2. http://owl.english.purdue.edu/handouts/research/r_apa.html
3. <http://apastyle.org/aboutstyle.html>


8.0 LAMPIRAN

Bahagian ini tidak wajib dan terpulang kepada pelajar sama ada ingin memuatkan bahagian ini ke dalam projek mereka ataupun tidak.

Halaman lampiran **tidak ditandakan** muka surat dan juga **tidak dinomborkan**. Ia hendaklah disenaraikan dalam Isi Kandungan. Lampiran tersebut boleh dibahagikan kepada Lampiran A, Lampiran B, dan seterusnya.

Jadual-jadual dan rajah-rajah dalam lampiran hendaklah dinomborkan dan disertakan keterangan dalam Senarai Jadual dan Senarai Rajah yang telah dibuat terlebih dahulu.

Lampiran A: Muka Surat Hadapan (hard Cover Page)



Lampiran B: Halaman Tajuk (Bahasa Melayu)

TAJUK

(New Century Schoolbook: saiz 11, huruf besar dan hitamkan)

NAMA PELAJAR

(New Century Schoolbook: saiz 11, huruf besar)

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian
(Ekonomi Antarabangsa)*

(New Century Schoolbook: saiz 11, huruf kecil)

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2009

(New Century Schoolbook: saiz 11)

* Berdasarkan program yang diikuti oleh pelajar.

Lampiran C: Halaman Tajuk (Bahasa Inggeris)

TITLE

(Century Schoolbook font size 11, bold and caps lock)

STUDENT'S NAME

(Century Schoolbook font size 11, caps lock)

This project is submitted in partial fulfillment of
the requirements for the degree of Bachelor of Economics with Honours
(International Economics)*

(Century Schoolbook font size 11, caps lock)

Faculty of Economics and Business
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2009

(Century Schoolbook font size 11)

* Student's program

Lampiran D: Pengesahan Pelajar (Bahasa Melayu)

Pengesahan Pelajar

Saya mengakui bahawa Projek Tahun Akhir bertajuk
“.....(tajuk PTA pelajar, dihitamkan).....”
ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali
nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

(Tarikh serahan)

(Tandatangan Pelajar)
Nama Penuh Pelajar
No. Matrik

Lampiran E: Pengesahan Pelajar (Bahasa Inggeris)

Statement of Originality

The work described in this Final Year Project, entitled
“.....**(the title, bold)**.....”
is to the best of the author’s knowledge that of the author except
where due reference is made.

(Date submitted)

(Student’s signature)
Full Name
Matric number

Lampiran F: Jadual 1: “Pagination and Copy Sequencing”

TURUTAN	PERLETAKAN MUKA SURAT	Dimasukkan dalam Isi Kandungan
‘Preliminary Pages’	Nombor Roman (I,ii,iii,...)	
Muka Surat Depan (Title Page)	Dikira dan tidak perlu dinomborkan	Tidak
Abstrak	Dikira dan tidak perlu dinomborkan	Tidak
Pengesahan Pelajar (Approval Sheet)	Dikira dan tidak perlu dinomborkan	Tidak
Penghargaan	Dikira dan tidak perlu dinomborkan	Tidak
Isi Kandungan	Dikira dan perlu dinomborkan	Tidak
Senarai Jadual	Dikira dan perlu dinomborkan	Ya
Senarai Gambarajah	Dikira dan perlu dinomborkan	Ya

TEKS KANDUNGAN	Nombor Arab Bermula pada 1, 2, ...	Dimasukkan dalam Isi Kandungan
Pengenalan	Dikira dan perlu dinomborkan	Ya
Ulasan Karya Terpilih	Dikira dan perlu dinomborkan	Ya
Metodologi Kajian	Dikira dan perlu dinomborkan	Ya
Keputusan Kajian	Dikira dan perlu dinomborkan	Ya
Perbincangan Kajian	Dikira dan perlu dinomborkan	Ya
Kesimpulan dan Cadangan	Dikira dan perlu dinomborkan	Ya

HALAMAN RUJUKAN		Dimasukkan dalam Isi Kandungan
Rujukan	Dikira dan perlu dinomborkan	Ya
Lampiran	Tidak dikira dan tidak perlu dinomborkan	Ya

LAMPIRAN G: ISI KANDUNGAN (TABLE OF CONTENTS)

ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	?
1.3 Objektif Kajian	?
1.4 Rasional Kajian	?
1.5 Skop Kajian	?
BAB 2: ULASAN KARYA TERPILIH	
6.3 Pengenalan	?
6.4 Ulasan karya	?
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	?
3.2 Kerangka Konsep	?
3.3 Reka bentuk Kajian	?
3.3.1 Persampelan	?
3.3.2 Pengumpulan Data	?
3.3.3 Penganalisan Data	?
3.4 Hipotesis Kajian	?
BAB 4: KEPUTUSAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	?
4.2 Keputusan	?
BAB 5: PERBINCANGAN KAJIAN	
BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN	
6.1 Pengenalan	?
6.2 Kesimpulan	?
6.3 Cadangan	?
6.4 Kekangan Kajian.....	?
RUJUKAN	?

PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR
FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

LAMPIRAN